


Selasa, 18 Jun 2019 | 3:43pm



Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Dr S Ramakrishnan. - NSTP/Hairul Anuar Rahim

Pasar Borong Pandan dipantau KPDNHEP

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Pasar Borong Pandan di Pusat Perdagangan Pandan di sini, yang terkenal dalam kalangan penduduk serta peniaga di bandaraya ini, kini menjadi tumpuan pemerhatian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Ini berikutan pemerhatian pasukan penguatkuasa kementerian itu mendapati masih ramai peniaga mengabaikan beberapa peraturan, terutama membabitkan arahan mempamerkan tanda harga termasuk pada barang harga terkawal.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Dr S Ramakrishnan, berkata beliau kecewa apabila pemeriksaan KPDNHEP di pasar berkenaan malam tadi, mendapat tahap kesedaran peniaga masih rendah.

"Malam ini (tadi), saya sendiri menyertai KPDNHEP membuat pemeriksaan dalam operasi bersepadu yang turut disertai Jabatan Imigresen, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

"Saya dapat lihat ramai peniaga tidak mempamerkan tanda harga merah jambu menandakan barang harga terkawal pada produk jualan mereka, terutama membabitkan barang basah seperti ayam, ikan dan daging.

"Ada juga peniaga yang mempamerkan tanda harga kurang jelas dan mengelirukan. Saya sudah mengarahkan KPDNHEP memantau pusat borong ini dan memastikan semua peniaga mematuhi peraturan ditetapkan demi melindungi hak pengguna," katanya ketika ditemui selepas operasi berkenaan, malam tadi.

Operasi bersepadu berkenaan yang bermula jam 6.30 petang hingga 12 tengah malam dibuat sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) yang dilancarkan pada 21 Mei lalu dan akan tamat esok.

Yang turut hadir, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, Mohd Hairul Anuar Bohro.

Mengulas lanjut, Ramakrishnan berkata, beliau percaya punca utama keengganan peniaga mempamerkan tanda harga mengikut arahan KPDNHEP adalah disebabkan faktor sikap.

"Secara umum harga barang yang dijual masih terkawal, namun tahap pematuhan peniaga terhadap peraturan membabitkan tanda harga masih rendah. Kita dapat, ramai mematuhi sebelum Aidilfitri lalu, namun keadaan berubah selepas hari raya.

"Keadaan ini berpunca daripada sikap. Mereka sangka pemantauan KPDNHEP hanya dibuat sebelum hari raya sahaja. Ini adalah sikap yang salah, mereka perlu mematuhi peraturan sepanjang masa," katanya.

Sementara itu, mengenai operasi di pasar borong itu malam tadi, beliau berkata, KPDNHEP mengeluarkan lapan kompaun kepada peniaga yang tidak mempamerkan tanda harga merah jambu, manakala Jabatan Imigresen menahan 10 pekerja asing tanpa permit.

Mengenai SHMMP, Ramakrishnan berkata KPDNHEP Johor membuat 46 pemeriksaan di peringkat pemborong dan 3,656 pemeriksaan di peringkat peruncit sejak 21 Mei sehingga malam tadi.

"Secara keseluruhan, kita membuka 104 kertas siasatan dengan 101 kes berkaitan kesalahan tidak mempamerkan tanda harga merah jambu manakala tiga kes adalah membabitkan peniaga menjual barang melebihi harga kawalan," katanya.